

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim]
TARIKH : 11.03.2014
SOALAN :

Y.B. Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk mengurangkan kerja-kerja perkeranian yang sangat membebankan para guru, supaya guru-guru boleh menumpukan sepenuh perhatian dalam menjalankan tugas pengajaran di sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan amat prihatin akan kebajikan guru-guru dan sentiasa mencari kaedah terbaik dalam menangani beban tugas guru. Susulan Mesyuarat Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) – Pemantapan Profesion Guru (PPG) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 18 Jun 2013, telah memberi tanggungjawab bersama kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan KPM untuk melaksanakan NBOS ke-8 iaitu Penjajaran Tugas Utama Guru.

Inisiatif NBOS ke-8 ini merupakan peluasan kepada program PPG yang sedang dilaksanakan di Melaka dan skop kajian telah diperluaskan ke seluruh negara. Skop kajian ini melibatkan semua kategori guru di sekolah berbanding dengan

pelaksanaan rintis PPG di Melaka yang hanya melibatkan tiga (3) kategori guru iaitu Guru Data, Guru Perpustakaan dan Media serta Guru Penyelaras Bestari.

NBOS ke-8 telah bermula pada 1 Julai 2013 yang merangkumi empat (4) bidang kajian iaitu mengkaji bebanan tugas guru, ketidaksepadanan opsyen guru, saiz kelas yang ideal dan isu pertindihan pangkalan data. Setiap bidang kajian mempunyai objektif yang terperinci, antaranya untuk mengkaji pemberatan tugas profesional dan bukan profesional guru yang boleh dijajar kepada Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) di sekolah.

Pada 20 November 2013, dapatan awal kajian ini telah dibentangkan dalam mesyuarat NBOS yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Mesyuarat tersebut telah memutuskan supaya pelaksanaan secara rintis di dua (2) negeri iaitu Melaka dan Kedah bermula dari Januari 2014 hingga Julai 2014. Hasil dapatan bersama cadangan berkaitan pelaksanaan rintis di dua (2) negeri ini dijangka dibentangkan dalam NBOS Summit pada bulan Ogos 2014 untuk mendapatkan pandangan dan keputusan lanjut dalam hala tuju seterusnya pelaksanaan NBOS-PPG.